

## MR.DIY Belanja & Menang 2025

### Terma dan Syarat

1. Peraduan MR.DIY 'Belanja & Menang' bermula dari 1 September 2025 dan berakhir pada 30 September 2025 ("Tempoh Peraduan"). MR.DIY Group (M) Berhad ("Penganjur") berhak untuk memendekkan atau memanjangkan Tempoh Peraduan tanpa memberi sebarang notis terlebih dahulu. Semua penyertaan yang diterima di luar Tempoh Peraduan akan dibatalkan secara automatik.
2. Peraduan ini terbuka kepada semua rakyat dan pemastautin tetap Malaysia yang berumur 18 tahun ke atas (pada 1 September 2025) kecuali kakitangan Penganjur dan ahli-ahli keluarga terdekat mereka, termasuk syarikat-syarikat gabungan dan/atau berkaitan, pengedar-pengedar, agensi-agensy pengiklanan dan promosi pihak Penganjur.
3. Untuk menyertai Peraduan:
  - a. Peserta mesti berbelanja dalam Tempoh Peraduan:
    - i. Di mana-mana kedai MR.DIY: RM100.00 dan ke atas dalam satu resit.
  - b. Imbas kod QR atau layari <https://mrdiy.co/belanjamenang2025>.
  - c. Lengkapkan borang penyertaan dalam talian (online) dengan menjawab soalan, isikan semua ruang kosong dan klik hantar.
  - d. Simpan resit yang asal bertarikh dalam Tempoh Peraduan yang sepadan dengan penyertaan dalam talian (online) sebagai bukti pembelian.
  - e. Para peserta boleh menghantar seberapa banyak penyertaan yang diinginkan TETAPI setiap penyertaan mesti disertakan dengan butiran yang diperlukan dan resit tunggal yang berlainan bagi setiap penyertaan.
  - f. Para peserta tidak dibenarkan untuk menghantar lebih daripada satu (1) penyertaan dengan resit tunggal yang sama kepada pihak Penganjur.
  - g. Pihak Penganjur tidak akan membayar balik kepada Peserta apa-apa caj yang dikenakan untuk menghantar penyertaan, jika ada.
4. Cara pemilihan pemenang:
  - a. Hadiah Utama x 2: Pemenang Hadiah Utama yang layak ditentukan oleh jumlah penyertaan layak yang diterima sepanjang Tempoh Peraduan dibahagikan dengan 2.5. Sebagai contoh, jika terdapat sebanyak 34,225 penyertaan layak diterima, nombor ini akan dibahagikan dengan 2.5 dan dibundarkan kepada nombor bulat paling dekat yang lebih rendah, iaitu 13,690. Maka penyertaan layak ke-13,690 dan ke-27,380 akan disenarai pendek dan layak memenangi Hadiah Utama. Jika penyertaan yang disenarai pendekkan dibatalkan kelayakannya, maka penyertaan seterusnya yang terdahulu diterima akan menjadi pemenang layak gantian, sebagai contoh, pemenang layak gantian untuk penyertaan layak ke-13,690 adalah penyertaan layak ke-13,689.
  - b. Hadiah Pertama x 3: Pemenang Hadiah Kedua yang layak ditentukan oleh jumlah penyertaan layak yang diterima sepanjang Tempoh Peraduan dibahagikan dengan 3.5. Sebagai contoh, jika terdapat sebanyak 34,225 penyertaan layak diterima, nombor ini akan dibahagikan dengan 3.5 dan dibundarkan kepada nombor bulat paling dekat yang lebih rendah, iaitu 9,778. Maka penyertaan layak ke-9,778, ke-19,556 dan ke-29,334 akan disenarai pendekkan dan layak memenangi Hadiah Kedua setiap satu. Jika penyertaan yang disenarai pendekkan dibatalkan kelayakannya, maka penyertaan seterusnya yang terdahulu diterima akan menjadi pemenang layak gantian, sebagai contoh, pemenang layak gantian untuk penyertaan layak ke-9,778 adalah penyertaan layak ke-9,777.
  - c. Hadiah Kedua x 95: Pemenang Hadiah Kedua yang layak ditentukan oleh jumlah penyertaan layak yang diterima sepanjang Tempoh Peraduan dibahagikan dengan 95.5. Sebagai contoh, jika terdapat sebanyak 34,225 penyertaan layak diterima,

nombor ini akan dibahagikan dengan 95.5 dan dibundarkan kepada nombor bulat paling dekat yang lebih rendah, iaitu 358. Maka penyertaan layak ke-358, ke-716, ke-1,074 dan seterusnya akan disenarai pendekkan dan layak memenangi Hadiah Ketiga setiap satu. Jika penyertaan yang disenarai pendekkan dibatalkan kelayakannya, maka penyertaan seterusnya yang terdahulu diterima akan menjadi pemenang layak gantian, sebagai contoh, pemenang layak gantian untuk penyertaan layak ke-358 adalah penyertaan layak ke-357.

- d. Para pemenang yang layak mungkin akan dihubungi melalui emel dan mungkin diminta untuk menjawab satu soalan dengan betul sebelum boleh disahkan sebagai pemenang. Sekiranya cubaan pertama untuk menghubungi pemenang layak tidak berjaya (contohnya, tiada maklum balas), sehingga dua (2) cubaan lain akan dibuat dalam tempoh tujuh puluh dua (72) jam selepas emel pertama dihantar. Sekiranya semua cubaan tidak berjaya, pihak Penganjur berhak untuk membatalkan kelayakan pemenang tersebut dan seterusnya memilih peserta layak yang berikutnya. Pihak Penganjur tidak akan bertanggungjawab sekiranya pemenang tidak dapat dihubungi atas sebarang sebab. Sekiranya pemenang layak gagal menjawab soalan dengan betul, pihak Penganjur berhak untuk membatalkan kelayakannya dan memilih pemenang layak yang lain sebagai pengganti.
- e. Agensi yang dilantik oleh Penganjur akan menghubungi pemenang Hadiah berhubung perkara yang berkaitan dengan pengesahan pemenang dan urusan penyampaian hadiah.
- f. Para pemenang yang layak mungkin dikehendaki menghantar melalui Pos Laju/kurier semua resit bercetak asal bertarikh dalam Tempoh Peraduan yang sepadan dengan semua penyertaan dan salinan kad pengenalan mereka dalam tempoh tiga (3) hari bekerja selepas tarikh pemberitahuan sebagai pengesahan bukti pembelian. Sekiranya gagal, pihak Penganjur berhak untuk membatalkan kelayakan pemenang layak tersebut.
- g. Hanya resit-resit bercetak yang asal dan sah akan diterima. Resit-resit yang sukar dibaca, rosak, diubah, disalin semula, diperoleh secara tidak sah, tersalah cetak dan/atau tidak mengandungi maklumat yang diperlukan adalah tidak sah dan tidak akan diterima. Pihak Penganjur mempunyai budi bicara mutlak dan hak untuk membatalkan kelayakan resit-resit tidak sah tersebut.

#### 5. Hadiah-hadiah Peraduan:

- a. Hadiah Utama x 2: Apple iPhone 17 Pro 256GB setiap satu.
- b. Hadiah Pertama x 3: Jongkong Emas 5g setiap satu.
- c. Hadiah Kedua x 95: Baucar tunai RM100.00 MR.DIY setiap satu.
- d. Setiap peserta hanya layak untuk memenangi satu (1) Hadiah Utama, satu (1) Hadiah Pertama atau satu (1) Hadiah Kedua sepanjang Tempoh Peraduan.
- e. Kesemua hadiah mesti dituntut atas perbelanjaan pemenang sendiri dalam tempoh enam puluh (60) hari selepas tarikh pemberitahuan kemenangan. Hadiah-hadiah yang gagal dituntut akan dilupuskan oleh pihak Penganjur.
- f. Peserta dikehendaki untuk mengemukakan bukti pengenalan diri semasa atau sebelum penuntutan hadiah sebagai pengesahan. Bentuk-bentuk bukti pengenalan diri yang diterima oleh pihak Penganjur adalah kad pengenalan atau lesen memandu Malaysia. Pihak Penganjur berhak untuk membatalkan kelayakan peserta/pemenang atas kegagalan dalam mengemukakan bukti pengenalan diri.
- g. Pihak Penganjur berhak atas budi bicara mutlaknya untuk menggantikan mana-mana hadiah dengan hadiah-hadiah lain yang sama nilainya pada bila-bila masa tanpa sebarang notis. Semua hadiah tidak boleh ditukar milik, tidak boleh dikembalikan dan tidak boleh ditukar untuk apa-apa format atas sebarang sebab. Nilai hadiah adalah betul pada masa pencetakan. Semua hadiah diberikan dalam 'keadaan sedia ada'. Pihak Penganjur tidak akan bertanggungjawab sekiranya hadiah rosak setelah diterima oleh pemenang.

6. Pihak Penganjur tidak akan dipertanggungjawabkan untuk sebarang kesalahan, peninggalan, gangguan, penghapusan, kerosakan, kelewatan operasi atau penghantaran, kegagalan talian komunikasi, pencurian atau pemusnahan, akses tanpa izin atau perubahan ke komunikasi pengguna atau anggota atau apa-apa masalah atau kerosakan teknikal mana-mana rangkaian atau talian telefon, sistem dalam talian komputer, pelayan atau penyedia, peralatan komputer, perisian, kegagalan emel kerana masalah teknikal atau kesesakan lalu lintas di internet dan/atau laman web.
7. Para peserta akan menanggung liabiliti dan tanggungjawab sepenuhnya jika berlaku sebarang kemalangan, kecederaan, kerosakan atau tuntutan akibat penyertaan di dalam Peraduan ini.
8. Dengan menyertai Peraduan ini, para peserta memberi keizinan untuk memberi maklumat peribadinya dan pihak Penganjur berhak menyiarkan, menggunakan nama dan/atau gambar pemenang serta penyertaan mereka untuk tujuan publisiti, pengiklanan dan/atau perdagangan tanpa sebarang bayaran pampasan mahupun pemberitahuan dan setiap peserta tidak berhak membuat sebarang tuntutan ke atas penggunaan penyertaan tersebut oleh pihak Penganjur.
9. Pihak Penganjur mengumpul maklumat peribadi yang boleh dikenal pasti untuk memberi perkhidmatan-perkhidmatan atau untuk berhubung dengan peserta. Maklumat ini disimpan oleh pihak Penganjur dalam kaedah yang sesuai dengan data tersebut dan digunakan untuk memenuhi permintaan peserta. Dengan mengemukakan maklumat peribadi peserta, pihak Penganjur menganggap bahawa keizinan telah diberi kepada pihak Penganjur dan/atau agen-agen yang dilantik olehnya untuk menggunakan maklumat ini untuk tujuan pemasaran dan promosi yang kini dan di masa hadapan serta untuk menambahbaikkan produk-produk dan perkhidmatannya. Sekiranya peserta memaklumkan pihak Penganjur melalui talian pelanggannya di 03-89611338 bahawa maklumat tersebut tidak patut digunakan sebagai asas untuk hubungan seterusnya, pihak Penganjur akan menghormati permintaan peserta. Maklumat peserta tidak akan diberi atau dikongsi dengan syarikat-syarikat/rakan-rakan lain untuk kegunaan bebas mereka..
10. Dengan menyertai Peraduan ini, para peserta bersetuju untuk terikat dengan Terma dan Syarat rasmi serta segala keputusan pihak Penganjur.
11. Pihak Penganjur berhak untuk meminda, membatalkan atau mengubahsuai Terma dan Syarat ini tanpa memberi sebarang notis terlebih dahulu pada bila-bila masa dan para peserta akan terikat dengan perubahan tersebut.
12. Keputusan pihak Penganjur adalah muktamad. Sebarang surat-menyurat mengenai keputusan yang dibuat oleh pihak Penganjur tidak akan dilayan.
13. Terma dan Syarat Peraduan disediakan dalam Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia. Sekiranya terdapat percanggahan di antara versi-versi tersebut, Terma dan Syarat versi Bahasa Inggeris akan diguna pakai.